



GARIS PANDUAN LAPORAN

IKON KOPERATOR MUDA PELANCONGAN KOPERASI SEKOLAH (COOPISTAC) 2023

TEMA

**“MEMUPUK SEMANGAT PERPADUAN MELALUI AKTIVITI
KEUSAHAWANAN KOPERASI SEKOLAH”**

TEMPOH PENGLIBATAN

1 JANUARI 2019 – 30 SEPTEMBER 2023

ANJURAN

**SEKSYEN SEKOLAH & IPT/BELIA
BAHAGIAN KOPERASI BERSASAR
KUMPULAN PEMBANGUNAN KOPERASI
ANGKASA**

1. PENGENALAN

Program Pelancongan Koperasi Sekolah (PKS) diilhamkan oleh **Yang Mulia Almarhum Prof. Diraja Ungku A. Aziz, Mantan Yang Dipertua ANGKASA**. PKS telah dijenamakan semula kepada **COOPISTAC** atau **Inter School Cooperative Tourism of ANGKASA** dan masih mengekalkan konsep yang sama dengan pelaksanaan program PKS serta dibuat penambahbaikan supaya program ini sentiasa segar, inovatif dan menarik selain menjadi daya tarikan kepada murid/pelajar untuk terlibat secara lebih menyeluruh. Pelancongan Koperasi Sekolah (**COOPISTAC**) adalah salah satu aktiviti yang dapat memperkasakan gerakan koperasi sekolah di Malaysia. Ianya juga dapat memenuhi falsafah Pendidikan Negara melalui proses kemahiran merancang, mengurus dan melaksanakan projek di kalangan murid/pelajar. Bahagian Sekolah ANGKASA mengambil inisiatif untuk mencari Ikon PKS (**COOPISTAC**) yang boleh dijadikan model untuk diikuti dikalangan anggota koperasi sekolah sehingga ke peringkat Institut Pengajian Tinggi.

Garis panduan Ikon Pelancongan Koperasi Sekolah (**COOPISTAC**) 2023 ini disediakan sebagai panduan kepada pihak pengurusan koperasi sekolah untuk menilai dan melaporkan aktiviti PKS (**COOPISTAC**) di kalangan (murid/pelajar) anggota koperasi sekolah yang terpilih.

Anugerah ini akan memberi semangat dan galakan kepada semua koperator (murid/pelajar) di Malaysia dalam mempraktikkan ilmu keusahawanan yang boleh dipelajari melalui pelancongan koperasi sekolah disamping menjayakan tugas-tugas lain sebagai koperator di koperasi masing-masing. Anugerah ini juga mengambil kira pengiktirafan kepada koperator (murid/pelajar) yang juga cemerlang dalam bidang akademik dan kokurikulum terutamanya yang melibatkan aktiviti PKS (**COOPISTAC**) bermula 1 Januari 2019 – 30 September 2023. Anugerah ini diadakan untuk melahirkan pemimpin-pemimpin koperasi pada masa hadapan.

2. OBJEKTIF ANUGERAH

- 2.1 Memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada koperator murid/pelajar yang telah memberi sumbangan cemerlang dalam aktiviti pelancongan koperasi sekolah (**COOPISTAC**).
- 2.2 Menggalakan penglibatan lebih ramai murid/pelajar dalam aktiviti pelancongan koperasi sekolah (**COOPISTAC**) dan menonjolkan diri dalam pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh koperasi dan agensi.
- 2.3 Mengangkat peranan koperator muda dalam agenda pendidikan negara melalui koperasi sekolah.

3. PENYERTAAN

- 3.1 Terbuka kepada semua koperator (murid/pelajar) koperasi sekolah (ahli ANGKASA) yang menjalankan aktiviti pelancongan koperasi sekolah (**COOPISTAC**) di Malaysia.

3.2 Setiap koperasi sekolah boleh menghantar maksimum 2 (dua) pencalonan dan calon dikehendaki untuk mengisi borang percalonan seperti **dilampiran 1**.

4. TARIKH CADANGAN PELAKSANAAN

4.1 Tempoh Penglibatan: **1 Januari 2019 – 30 September 2023**

4.2 Tarikh Akhir Penghantaran Laporan Pencalonan: **13 Oktober 2023 (Jumaat)**

4.3 Tarikh Temuduga/Pembentangan Laporan : **23 – 27 Oktober 2023**

4.4 Tarikh Anugerah Peringkat Kebangsaan (*Cadangan*): **15 - 17 Disember 2023**

5. LAPORAN PENUH PENCALONAN

Laporan penglibatan calon dibahagikan kepada **11 bahagian** iaitu:

Bahagian A – Biodata Murid/Pelajar (1%)

Bahagian B – Pencapaian Akademik (2%)

Bahagian C – Penglibatan Aktiviti Dalam Pelancongan Koperasi Sekolah
(*COOPISTAC*) (30%)

Bahagian D – Kreativiti Dan Inovasi Dalam Pelaksanaan Pelancongan Koperasi
(*COOPISTAC*) Sekolah (10%)

Bahagian E– Penglibatan Dalam Kursus Pelancongan Anjuran ANGKASA,SKM dan
IKMa (6%)

Bahagian F – Kajian Yang Dijalankan Untuk Aktiviti Pelaksanaan Pelancongan
Koperasi Sekolah (*COOPISTAC*) (10%)

Bahagian G– Jawatan Dalam Setiap Projek Aktiviti Pelancongan Koperasi Sekolah
(*COOPISTAC*) (10%)

Bahagian H – Aktiviti Kokurikulum lain (10%)

Bahagian I – Penilaian Sahsiah diri (10%)

Bahagian J – Penerimaan Pengiktirafan dan Penghargaan (10%)

Bahagian K – Motto kejayaan (1%)

5.1 BAHAGIAN A : BIODATA MURID/PELAJAR

Calon dikehendaki untuk melengkapkan maklumat-maklumat berikut:

- a) Nama Penuh
- b) No. Kad Pengenalan
- c) Alamat Rumah
- d) Jantina
- e) Umur
- f) Warganegara
- g) Bangsa
- h) Agama
- i) No. Telefon murid/pelajar
- j) Alamat Email murid/pelajar

5.2 BAHAGIAN B: PENCAPAIAN AKADEMIK

Calon dikehendaki untuk melengkapkan maklumat-maklumat berkaitan latar belakang pendidikan dan melampirkan **salinan sijil atau dokumen-dokumen** sebagai bukti pengesahan:

- a) Nama Sekolah, Nama Peperiksaan dan Keputusan Peperiksaan
- b) Nama Sijil-sijil lain (selain peperiksaan utama)

5.3 BAHAGIAN C: PENGLIBATAN AKTIVITI PELANCONGAN KOPERASI SEKOLAH

Calon dikehendaki untuk menyenaraikan semua penglibatan dalam aktiviti pelancongan koperasi sekolah (*COOPITSAC*) yang pernah diceburi serta melampirkan **salinan sijil atau dokumen- dokumen** sebagai bukti pengesahan penglibatan murid/pelajar.

Calon dikehendaki menyatakan dengan jelas **Nama tamu, tarikh menerima tamu dan peranan dalam pelaksanaan projek lawatan tersebut.**

5.4 BAHAGIAN D: KREATIVITI DAN INOVASI

Calon dikehendaki untuk menyenaraikan kreativiti dan inovasi dalam program/aktiviti pelancongan koperasi sekolah (*COOPISTAC*) yang dilaksanakan dengan **melampirkan bukti bergambar dan keterangan** bagi setiap aktiviti/program tersebut.

5.5 BAHAGIAN E: PENGLIBATAN DALAM KURSUS ANJURAN ANGKASA, SKM DAN IKMa BERKAITAN PELANCONGAN

Calon dikehendaki untuk menyenaraikan semua kursus anjuran ANGKASA, SKM dan IKMa yang pernah dihadiri dan **melampirkan salinan sijil penyertaan sebagai bukti pengesahan** penyertaan murid/pelajar. Sila nyatakan:

- a) Nama Kursus
- b) Tarikh Kursus
- c) Impak Kursus

5.6 BAHAGIAN F: KAJIAN YANG DIJALANKAN UNTUK PELAKSANAAN AKTIVITI PELANCONGAN KOPERASI SEKOLAH (*COOPISTAC*)

Calon diminta untuk menyatakan kajian yang telah dijalankan untuk pelaksanaan Aktiviti/program pelancongan koperasi sekolah(*COOPISTAC*).

- a) Bentuk kajian
- b) Keterangan
- c) Pengesahan dari guru penyelarass PKS (*COOPISTAC*)

5.7 BAHAGIAN G: JAWATAN YANG DIPEGANG BAGI SETIAP PROJEK PELANCONGAN KOPERASI SEKOLAH (*COOPISTAC*)

Calon dikehendaki untuk menyenaraikan jawatan yang dipegang bagi setiap projek lawatan pelancongan koperasi sekolah (*COOPISTAC*) (**maksimum 5 projek lawatan**) dengan melampirkan **salinan sijil atau dokumen-dokumen** pelantikan sebagai bukti pengesahan.

5.8 BAHAGIAN H: PENGLIBATAN DALAM AKTIVITI KO-KURIKULUM

Calon dikehendaki untuk menyenaraikan semua penglibatan dan pencapaian aktiviti kokurikulum (**selain koperasi**) yang pernah diceburi serta **melampirkan salinan sijil atau dokumen-dokumen** sebagai bukti pengesahan penglibatan murid/pelajar.

- a) Peringkat Sekolah
- b) Peringkat Daerah
- c) Peringkat Bahagian
- d) Peringkat Zon
- e) Peringkat Negeri
- f) Peringkat Kebangsaan
- g) Peringkat Antarabangsa

5.9 BAHAGIAN I : PENILAIAN SAHSIAH DIRI

Calon akan dinilai merujuk kepada rekod unit disiplin dan bimbingan & kaunseling merangkumi aspek :

- a) Kelakuan
- b) Sosial
- c) Keterampilan
- d) Kelompok dalam kelas

Nota: Walaubagaimanapun kelayakan calon boleh digugurkan mengikut keutamaan hierarki demerit seperti dibawah :

- Tingkah laku jenayah
- Tingkah laku lucah
- Tingkah laku kurang sopan atau biadap
- Tingkah laku musnah
- Tingkah laku tidak jujur
- Tingkah laku tidak mementingkan pelajaran

5.10 BAHAGIAN J: PENERIMAAN PENGIKTIRAFAN DAN PENGHARGAAN

Calon diminta untuk menyenaraikan semua pengiktirafan yang pernah diterima (**jika ada**) dan **melampirkan salinan sijil atau dokumen-dokumen sebagai bukti pengesahan** pengiktirafan berkenaan. Pengiktirafan boleh dipecahkan kepada tujuh (7) peringkat seperti berikut:

- a) Peringkat Sekolah
- b) Peringkat Daerah

- c) Peringkat Bahagian
- d) Peringkat Zon
- e) Peringkat Negeri
- f) Peringkat Kebangsaan
- g) Peringkat Antarabangsa

5.11 BAHAGIAN I: MOTTO KEJAYAAN

Calon dikehendaki untuk menulis **motto kejayaan** sebagai motivasi kepada diri calon dan koperator murid/pelajar yang lain. Sebagai contoh **“Gagal sekali tidak bermakna gagal selamanya”**. Motto kejayaan ini hendaklah ringkas dan padat.

6. PENILAIAN ANUGERAH IKON KOPERATOR MUDA PELANCONGAN KOPERASI SEKOLAH (COOPISTAC) 2023

Calon akan dinilai berdasarkan format yang terkandung di **sebelas (11)** bahagian diatas. Peratusan markah yang dipaparkan adalah sebagai ilustrasi kepada setiap calon berkaitan pemberat setiap bahagian. Walau bagaimanapun **peratusan markah ini boleh berubah dari semasa ke semasa mengikut ketetapan Jawatankuasa Penilai.**

Proses penilaian akan melalui tapisan tiga **(3) peringkat** iaitu:

- a) **Peringkat Saringan iaitu** Laporan Anugerah Ikon Koperator Muda Pelancongan Koperasi Sekolah (COOPISTAC) 2023 akan dinilai oleh **Pegawai Bahagian Sekolah (BSE), ANGKASA.**
- b) **Temuduga** calon Ikon Koperator Muda Pelancongan Koperasi Sekolah (COOPISTAC) 2023 oleh juri.
- c) **Pembentangan** oleh calon yang telah disenarai pendek untuk Anugerah Ikon Koperator Muda Pelancongan Koperasi Sekolah (COOPISTAC) 2023.

7. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkaitan dengan Ikon Koperator Muda Pelancongan Koperasi Sekolah (COOPISTAC) 2023 bolehlah diutarakan kepada Seksyen Sekolah & IPT/Belia, ANGKASA di talian penting : **012-3901809 / 013-7712801/ 03-78007898**

8. PANDUAN MELENGKAPKAN BORANG PENYERTAAN

- a) Calon-calun juga perlu melengkapi **“Google Forms”** dan disertakan dengan link/pautan Laporan Pencalonan yang telah dikongsikan dengan coopistac@gmail.com sebagai sokongan (backup). Pautan **“Google Forms”** Ikon Koperator Muda Pelancongan Koperasi Sekolah 2023 boleh didapati di <https://bit.ly/IKONPKS2023> atau menerusi kod QR dibawah :



- b) Setiap pengiktirafan atau kejayaan hendaklah **dilampirkan dengan bukti sijil atau gambar piala/pingat/plak.**
- c) **Laporan harus dicetak (hardcopy)** dan hendaklah diserahkan kepada pihak **Ibu Pejabat ANGKASA, Kelana Jaya, Selangor** seperti alamat di bawah **pada atau sebelum 13 Oktober 2023 (Jumaat) Jam 4.30 petang.**
- d) Laporan yang dihantar selepas daripada tarikh dan masa di atas **tidak akan dinilai.** Urusetia tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat kesilapan penghantaran Laporan Pencalonan ke Pejabat Perhubungan ANGKASA Negeri dan lain-lain agensi.

9. HADIAH ANUGERAH IKON KOPERATOR MUDA PELANCONGAN KOPERASI SEKOLAH (COOPISTAC) PERINGKAT KEBANGSAAN 2023

Hadiah berupa trofi, wang tunai, sijil penyertaan dan sijil pencapaian akan diberikan kepada pemenang-pemenang.

10. KATEGORI HADIAH ANUGERAH IKON KOPERATOR MUDA PELANCONGAN KOPERASI SEKOLAH (COOPISTAC) PERINGKAT KEBANGSAAN 2023

Kategori Hadiah Ikon Koperator Muda Pelancongan Koperasi Sekolah (*COOPISTAC*) adalah bergantung kepada keputusan ANGKASA.

11. HAL-HAL LAIN

- 11.1. Sijil Penyertaan Ikon Koperator Muda Pelancongan Koperasi Sekolah (*COOPISTAC*) 2023 akan diberikan kepada semua koperator (murid/pelajar) yang telah **menghantar laporan pencalonan.**
- 11.1. Setiap calon dikehendaki menyediakan **laporan pencalonan** mengikut garis panduan ini.
- 11.1. Koperasi sekolah dikehendaki memaklumkan kepada Pegawai Unit Pelancongan Koperasi Sekolah dan Hubungan Luar Bahagian Sekolah ANGKASA sekiranya laporan pencalonan telah dihantar.
- 11.3. **Tarikh yang dinyatakan dalam garis panduan ini tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.**
- 11.4. Segala keputusan Jawatankuasa Penilai adalah **MUKTAMAD.** Sebarang bantahan tidak akan diterima.
- 11.4. Semua maklumat dan dokumen yang dihantar akan menjadi **hak milik ANGKASA** sepenuhnya.
- 11.5. *Laporan* pencalonan yang telah lengkap hendaklah dihantar ke alamat di bawah :

**ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD
WISMA UNGKU A. AZIZ,
JALAN SS 6/3, KELANA JAYA,
47301 PETALING JAYA,
SELANGOR DARUL EHSAN
(U/P: SEKSYEN SEKOLAH & IPT/BELIA, ANGKASA)**

No. Telefon: 012- 3901809/ 013- 7712801 / 017-6924815 /03-78007898

Laman web: www.angkasa.coop

Email : coopistac@gmail.com

**SENARAI KAKITANGAN
SEKSYEN SEKOLAH & IPT/BELIA, ANGKASA
UNTUK DIHUBUNGI SEPERTI BERIKUT :**

BIL	NAMA	NO TEL BIMBIT	EMAIL
1	Pn. Noor Azlita Haniff	012-3901809	coopistac@gmail.com
2	En. Mohammad Noh Bin Mohammad Joha	013-771 2801	
3	En. Muhammad Iqmal Haqimi Bin Mohd Noor	017-5061415	